

D736

R B763 AAB  
MAHATHIR - MANIFESTO

KUALA LUMPUR, 12 OKT (BERNAMA) -- BARISAN NASIONAL HARI INI MENGUMUMKAN MANIFESTONYA YANG BERTERASKAN KEPADA SATU PENDIRIAN PARTI-PARTI KOMPONEN UNTUK MEMBELA SEMUA KAUM MENERUSI PENDEKATAN YANG SAMA.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, MANIFESTO YANG BERTEMAKAN +KE ARAH KEAMANAN, KEMAKMURAN DAN KESTABILAN MALAYSIA+ BERTUJUAN MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA NIKMAT YANG DICAPAI SELAMA INI TIDAK TERJADI DENGAN SENDIRINYA.

+IA DIKECAPI MELALUI USAHA BN DENGAN DITERAJUI OLEH SEKUMPULAN PEMIMPIN YANG SEDERHANA DAN MEREKA TELAH BERJAYA MEWUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG AMAN, STABIL DAN MAKMUR,+ KATANYA KETIKA MENGUMUMKAN MANIFESTO YANG MERANGKUMI SEMUA ASPEK HIDUP UNTUK RAKYAT DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI.

KATANYA, BN PERCAYA SETIAP TINDAKAN YANG DIBUAT MENERUSI RUNDINGAN TANPA MENGIRA APA JUA BIDANG, BERJAYA MEWUJUDKAN KEADAAN YANG ADA SEKARANG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA BN MENGELUARKAN HANYA SATU MANIFESTO UNTUK SEMUA PARTI KOMPONEN BAGI MEMBUKTIKAN TIADA KEKELIRUAN DALAM MATLAMATNYA APABILA IA MEMBENTUK SEMULA KERAJAAN SELEPAS PILIHAN RAYA INI.

KATANYA, WALAUPUN IA DIKELUARKAN DALAM SEMUA BAHASA UTAMA DI NEGARA INI, NAMUN ISI KANDUNGANNYA TIDAK BERBEZA DAN INI MENUNJUKKAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN TIDAK MEMPUNYAI PENDIRIAN YANG BERLAINAN MENGIKUT KAUM YANG DIWAKILI. -- LAGI.

1044MST 12 10 90

D746

R B769 AAB  
MAHATHIR - MANIFESTO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BN BERTASRAT MEMENANGI PILIHAN RAYA UMUM INI UNTUK MENERUSKAN BAKTINYA KEPADA RAKYAT.

+MALAYSIA IALAH SEBUAH NEGARA DEMOKRASI DAN BN AKAN SENTIASA MENJUNJUNG PRINSIP INI+, KATANYA.

KATANYA, PENDIRIAN BN ITU TELAH DIBUKTIKAN MELALUI KEPUTUSAN-KEPUTUSAN PILIHAN RAYA SEBELUM INI DENGAN PARTI PEMBANGKANG TIDAK DIHALANG MEMBENTUK KERAJAAN SENDIRI SEPERTI YANG PERNAH TERJADI DI KELANTAN, PULAU PINANG DAN SABAH.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA ISI KANDUNGAN MANIFESTO YANG MERANGKUMI TOPIK POLITIK, DEMOKRASI, KEMAJUAN EKONOMI, PELUANG PEKERJAAN, KEWANGAN, PERTANIAN, PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, SOSIAL, PENDIDIKAN, KESIHATAN, KEBEBASAN BERAGAMA, PERPADUAN NASIONAL DAN INTEGRASI, PENTADBIRAN DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA.

MANIFESTO YANG DIKELUARKAN DALAM BAHASA MELAYU, INGGERIS, MANDARIN, TAMIL DAN JUGA DALAM TULISAN JAWI ITU DIMULAKAN DENGAN PENEKANAN BAHAWA MALAYSIA ADALAH SEBUAH DARIPADA NEGARA YANG PALING AMAN, STABIL DAN MAKMUR DI DUNIA WALAUPUN MEMPUNYAI RAKYAT YANG BERBILANG KAUM DAN AGAMA. -- LAGI.

1115MST 12 10 90

D748

R B770 AAB  
MAHATHIR - MANIFESTO 3 KUALA LUMPUR

MANIFESTO ITU MENEKANKAN BAHAWA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA MEREKA BIASANYA MENGANGGAP SESUATU PERKARA ITU TERJADI DENGAN SENDIRI SEPERTI MEREKA BEBAS DAN TERLINDUNG DARIPADA SEGALA ANCAMAN DAN PENINDASAN; MENIKMATI TARAF HIDUP YANG SEMAKIN BAIK DAN SEMPURNA SERTA BERADA DALAM NEGARA YANG KINI IALAH ANTARA LIMA NEGARA UTAMA DARIPADA 135 NEGARA MEMBANGUN YANG MENUNJUKKAN KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN YANG TINGGI.

MENURUTNYA, BAGAIMANAPUN, SEGALA ITU BUKAN BERLAKU SECARA KEBETULAN SAHAJA +SEPERTI BULAN JATUH KE RIBA+.

+IA BERLAKU KERANA KESTABILAN DAN KEAMANAN YANG DICAPAI OLEH PEMERINTAHAN BN YANG DIPILIH BERTURUT-TURUT OLEH RAKYAT SELAMA 33 TAHUN,+ TEGAS BELIAU. -- BERNAMA.

1118MST 12 10 90